

TEKS UCAPAN

**YBRS. ENCIK KAMARUL BAHARIN BIN A. KASIM
KETUA PENGARAH JABATAN MUZIUM MALAYSIA**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN PAMERAN HARI KEBANGSAAN DAN
SILANG BUDAYA 2016**

PADA

10 OGOS 2016 (RABU)

10.00 PAGI

DATARAN MUZIUM NEGARA

Bismillahir Rahmanir Rahim

Terima kasih Saudara Pengacara Majlis

Yang Berhormat Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin,
Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia

Yang Berbahagia Dr. Junaida Lee binti Abdullah,
Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan
Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia

Yang Berusaha Ketua-ketua Jabatan dan Agensi di bawah
Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, Pengarah-
pengarah Muzium Negeri,

Yang Berusaha Encik Mohd. Azmi bin Mohd. Yusof,
Timbalan Ketua Pengarah Permuziuman, Jabatan Muzium
Malaysia

Yang Berusaha Encik Mohd Shawali bin Badi,
Timbalan Ketua Pengarah Dasar, Jabatan Muzium Malaysia

Dato-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang
dihormati sekalian,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam
Sejahtera.

**MAJLIS PERASMIAN PAMERAN HARI KEBANGSAAN & SILANG BUDAYA
10 OGOS 2016**

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan kurnia-Nya kita berpeluang berkumpul pada hari ini untuk menyempurnakan Majlis Perasmian Pameran Hari Kebangsaan dan Pameran Silang Budaya 2016.

Terima kasih kepada YB Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin kerana sudi menerima jemputan kita dan meluangkan masa untuk merasmikan majlis ini.

Terima kasih juga atas kehadiran Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang turut sama memeriahkan majlis ini. Kami amat mengaluakan kehadiran anda semua ke majlis ini.

Untuk makluman para hadirin sekalian, majlis perasmian ini melibatkan dua pameran berbeza yang diadakan serentak iaitu Pameran Hari Kebangsaan dan Pameran Silang Budaya. Pameran-pameran ini merupakan sebahagian aktiviti untuk sambutan sepanjang bulan kemerdekaan ini. Selain itu pelbagai aktiviti lain turut dirancang bagi menyemarakkan lagi sambutan. Walaupun kedua-dua pameran ini mempunyai tema yang berbeza ianya sangat dekat dan berkait rapat dengan sejarah dan warisan di Negara ini.

Yang Berhormat Datuk, Dato'- Dato', Datin- Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

Kita merayakan sambutan hari kebangsaan ini pada setiap tahun bukan sahaja sebagai tanda kesyukuran kerana telah diberi

nikmat yang begitu banyak kepada negara kita tetapi juga untuk mengingati dan memberi penghargaan yang tinggi kepada para pejuang terdahulu yang membebaskan kita daripada cengkaman penjajah. Atas sumbangan bakti merekalah negara dapat dibangunkan dan begitu banyak kejayaan dapat dikecapi dalam dan luar negara. Pameran khas bagi mengingati perjuangan dan pencapaian ini disusun agar dapat memberi kesan mendalam kepada para pengunjung.

Jabatan Muzium Malaysia amat bertuah sekali kerana mendapat kerjasama yang sangat baik daripada pelbagai agensi awam dan swasta serta individu-individu yang membantu dalam mengolah pameran ini. Setinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua. Pameran yang menggunakan teknik naratif ini dengan gabungan audio visual diolah bagi menceritakan rentetan sejarah negara mencapai kemerdekaan membawa kepada pembangunan dan pencapaian yang dikecapi selepas merdeka dan seterusnya menerapkan unsur-unsur kepelbagaian budaya dan warisan dalam menyatu padukan masyarakat.

Secara ringkasnya pameran ini terbahagi kepada tiga segmen utama. Segmen pertama, Bersatu Kita Teguh memaparkan bagaimana timbulnya semangat nasionalisme dalam kalangan pejuang yang akhirnya memberi laluan kepada kemerdekaan. Diselitkan juga pahit getir negara ketika darurat dan ancaman komunis. Peristiwa-peristiwa yang membawa kepada kemerdekaan dengan rundingan dan seterusnya laungan Merdeka pada 31 Ogos 1957, dan diakhiri dengan Pembentukan

**MAJLIS PERASMIAN PAMERAN HARI KEBANGSAAN & SILANG BUDAYA
10 OGOS 2016**

Malaysia pada tahun 1963 melengkapkan kitaran fasa sebuah negara bebas dan berdaulat.

Di segmen seterusnya, Malaysia Gemilang menyoroti perjalanan negara selepas merdeka. Detik-detik bersejarah dan penting, cabaran dan kejayaan dalam bidang ekonomi dan sosial diluahkan melalui bahan artifak dan gambar-gambar yang merakamkan peristiwa-peristiwa ini.

Pameran ini dilengkapkan lagi dengan menonjolkan keunikan Negara iaitu unsur kepelbagaian yang menjadi sumber kekuatan Malaysia. Ini kita gambarkan dalam segmen Sehati Sejiwa yang juga merupakan tema sambutan Hari Kebangsaan tahun ini. Elemen-elemen seperti perayaan, makanan, pakaian dan sebagainya yang dimiliki dan dikongsi bersama menjadi pengikat kepada perpaduan masyarakat berbilang kaum di negara kita.

Yang Berhormat Datuk, Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

Menyentuh mengenai Pameran Silang Budaya pula, pameran ini menggambarkan kerjasama erat antara muzium-muzium di Malaysia. Pameran ini melibatkan muzium-muzium negeri dan Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang sebagai penyelaras. Pameran bergerak ini menjelajah ke setiap negeri yang terlibat. Pameran ini telah bermula dengan Lembaga Muzium Negeri Perak pada 1 April lalu dan sehingga kini telah dipamerkan di Perbadanan Adat dan Warisan Selangor (PADAT) dan Yayasan

Warisan Johor. Kami di JMM merasa sangat teruja kerana pameran ini dapat diadakan di sini dalam bulan kemerdekaan. Seterusnya pameran ini akan dibawa ke Kedah dan berakhir di Pulau Pinang bagi melengkapkan siri pameran Silang Budaya 2016. Dalam pameran ini, kita akan disajikan dengan Ghazal Party yang dibawakan dari Pulau Pinang, Wayang Kulit Asun dari Kedah, Tarian Dabus dari Perak, Alat Muzik Cempuling dari PADAT dan Tarian Zapin yang dibawa oleh Johor. JMM pula menonjolkan Alat Muzik Gambus.

Kekayaan budaya dan warisan setiap negeri ini bukan sahaja menggambarkan keindahan dan keunikannya yang tersendiri kepada pengunjung, namun yang lebih penting juga memberi pendedahan kepada warga kerja muzium di pelbagai peringkat meneroka idea dan inovasi baru dalam pengendalian pameran. Pameran yang nampak ringkas dan padat ini direka khas agar lebih mudah alih dan berkonsepkan pasang siap tanpa merendahkan kualiti dan kandungan pameran. Di sini saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat yang telah memberi kerjasama dan komitmen yang sangat tinggi untuk menjayakan pameran ini.

Yang Berhormat Datuk, Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan hadirin yang dihormati sekalian.

Izinkan saya untuk meneruskan ucapan dalam Bahasa Inggeris untuk tetamu daripada luar yang turut serta dalam majlis ini.

Yang Berhormat Datuk and Distinguished Guests,

A very warm welcome to all our friends and colleagues who are present today. Thank you for your time and commitment. For your information this event is held in conjunction with the National Day Celebration and we are very thankful to YB Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin, Deputy Minister, Ministry of Tourism and Culture for her willingness to officiate it despite her very busy schedule. We have two exhibitions held simultaneously to complement this very important event in our history. Every year we celebrate our National Day as a reminder of the significant event that shaped the outcome of our country. We are reminded to step back and see things in a different perspective. Time and again we are faced with many challenges that shook our nation, economy recessions, racial tensions, social upheavals and so on. Throughout all these we have shown resilient and toughness as Malaysians.

It gives us a great pleasure to hold the National Celebration Exhibition again this year. This year's exhibition focuses on the importance of being united as a nation. We highlighted the beginning of nationalism and the struggles during the war and the emergency. We then trailed the road toward independence and freedom. And then it is the birth of our beloved country in 1963. After gaining independence we cemented our achievements and success through objects and pictures. We concluded the exhibition by showcasing our strength, Unity in Diversity through various aspects that we share and appreciate such as festivals, food, sports and others.

This year is also special as we held another exhibition, The Cross Cultural 2016 Exhibition, collaboration with five others state museums to bring culture and arts in a convenience and practical way. This venture is coordinated by the Penang Museum and focusing on different culture and arts for each state. Visitors will be enlightened with Ghazal Party from Penang, Asun Shadow Puppet from Kedah, Dabus Dance of Perak, musical instruments, namely the Cempuling and Gambus and Zapin Dance. This exhibition is set up in a way that it is easy to assemble and carry without compromising quality and contents.

I would like to take this opportunity to thank each and every one who has contributed directly and indirectly to make these two exhibitions a success. I hope through these exhibitions we will understand our history and appreciate our cultures and arts as these elements go hand in hand in our development as a nation. It is also my hope that through museums exhibitions, education and learning will generate better citizens.

Thank you.

Yang Berhormat Datuk, Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

Adalah menjadi harapan saya agar pembangunan dan pemodenan negara dan dunia pada hari ini berkembang seiring dengan pengekalan adat dan budaya bangsa. Saya juga berharap institusi muzium terus berkembang dalam mengekalkan

keunikan khazanah dan warisan turun temurun ini agar dapat diwarisi oleh generasi akan datang. Sesungguhnya sejarah dan budaya saling berkait dan penting untuk kita terus mempelajarinya bagi mengukuhkan jati diri kita sebagai rakyat Malaysia.

Sebagai mengakhiri ucapan saya pada hari ini, sekali lagi saya ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada YB Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin, kepada Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, kepada seluruh warga muzium dan agensi awam dan swasta, individu-individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan kedua-dua pameran ini. Semoga usaha kita mendapat keberkatan daripada Allah S.W.T. Akhir kata saya mewakili Jabatan Muzium Malaysia memohon maaf atas apa jua kesilapan dan kekurangan.

Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.

Penghargaan

Tourism Malaysia
Jabatan Arkib Negara Malaysia
Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM)
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT)
Muzium Polis Diraja Malaysia
Universiti Kebangsaan Malaysia
Universiti Sains Malaysia
Universiti Putra Malaysia
Universiti Malaysia Pahang
Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan
Persatuan Bolasepak Malaysia
Proton Holdings Berhad
Prasarana Malaysia Berhad
Express Rail Link
Astronautic Technology (M) Sdn Bhd
Arch Kuala Lumpur City Gallery
CTRM Aviation Sdn. Bhd.
Encik Khairul Idham Pawi
Encik Dickson Niew Cheng Kok
Encik Muhamad Farkhan Mohd Haron
Datuk Nicole Ann David